

## kafe ahad

**P**elancaran Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026-2035 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, diikuti pembentangan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, dilihat dapat memajukan landskap hala tuju pendidikan negara khususnya dalam menentukan bidang pengajian yang diperlukan negara pada masa depan.

Profesor di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) **PROF DR MOHD SYUHAIMI AB RAHMAN** berpandangan universiti tempatan perlu bergerak lebih pantas supaya tidak ketinggalan dalam persaingan global.

Ikuti kupasan beliau dalam Kafe Ahad bersama wartawan **AMIR ABD HAMID** minggu ini.

**Bagaimana Prof melihat keperluan universiti tempatan bergerak pantas dalam landskap pendidikan global hari ini?**

Melihat kepada perkembangan pesat universiti ternama antarabangsa, jelas menunjukkan bahawa universiti tempatan berisiko ketinggalan sekiranya tidak bertindak dengan segera. Oleh itu, semua universiti memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang rapi, tangkas serta berkesan supaya kekal berdaya saing. Universiti perlu bergerak pantas dan tidak boleh membiarkan diri terus berada di belakang.

Universiti juga perlu memahami keperluan industri semasa dan bergerak ke arah pelantar yang memperkukuh kolaborasi antara institusi pendidikan dan sektor industri, khususnya dalam bidang teknologi tinggi dan sistem pekerjaan baharu.

**Sejauh mana peranan industri penting dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan universiti?**

Peranan industri amat penting dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan benar-benar memenuhi kehendak pasaran kerja. Universiti perlu menjadi nadi dalam mengenal pasti keperluan sebenar industri dan pada masa sama industri turut membantu memperkasakan sistem pengurusan akademik universiti.

Model kerjasama universiti-industri perlu diperkukuh agar kedua-dua pihak dapat bekerja bersama menyedai tenaga kerja selari dengan kehendak semasa industri, khususnya dalam



USAHA membentuk daya saing perlu disokong dengan penilaian reflektif, suasana pembelajaran kondusif serta aktiviti yang merangsang pembangunan sahshiah.

**GRADUAN BERDAYA SAING SELARI TUNTUTAN ZAMAN**

# 'KURIKULUM PERLU DINAMIK, ADAPTIF'

sektor berteknologi tinggi. Tanpa pembabitn industri, usaha melahirkan graduan beracuan pasaran akan menjadi sukar.

**Isu penarafan universiti sering menjadi tumpuan. Apakah pandangan Prof mengenai perkara ini?**

Penarafan kini menjadi sebahagian teras landskap pendidikan tinggi global kerana ia membentuk persepsi awam terhadap kualiti institusi, mempengaruhi pengambilan pelajar, reputasi serta pilihan majikan dan kerajaan. Ia juga dilihat sebagai instrumen penting menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Namun, penarafan bukanlah segala-galanya. Universiti tidak mengesjar angka semata-mata, sebaliknya melabur dalam parameter yang menyumbang kepada

kecemerlangan sebenar seperti pendidikan berkualiti, penyelidikan dan impak kepada masyarakat serta negara. Pendekatan holistik amat penting supaya nilai yang terhasil memberi manfaat jangka panjang.

**Apakah aspek utama yang perlu diberi tumpuan untuk memperkukuh kedudukan universiti tempatan?**

Dalam meletakkan universiti tempatan pada kedudukan terbaik dunia memerlukan satu pendekatan holistik namun bukan angka semata-mata dikejar tetapi nilai yang

terbit dalam bentuk impak kepada masyarakat dan negara. Dua aspek perlu dititikberatkan di sini ialah akademik dan antarabangsa sebagai nadi utama kecemerlangan universiti selain daripada tumpuan kepada penyelidikan. Semua aspek ini memerlukan kemampunan kewangan yang jitu supaya sebarang perancangan dapat direalisasikan dengan sempurna dan berkesan.

Pemerkasaan prasarana juga penting dalam membentuk suasana kondusif merangkumi kemudahan akademik, sukan dan rekreasi bagi melahirkan graduan kompeten dan memenuhi keperluan industri.

**Bagaimana pendigitalan program boleh membantu universiti kekal relevan?**

Pendigitalan program seperti *Open and Distance Learning (ODL)*, *micro-credential*, sijil profesional dan kursus akademik perlu diperkasakan. Pengajian secara fizikal

boleh dikurangkan kerana lokasi bukan lagi faktor utama. Pelajar boleh mengakses kuliah dan penilaian di mana sahaja.

Produk akademik ini perlu sentiasa dinilai, ditambah baik dan dipromosikan supaya relevan dengan pasaran semasa, sekali gus menyumbang kepada kelestarian kewangan universiti.

**Dalam melahirkan graduan berdaya saing selari tuntutan zaman, apakah antara pendekatan yang perlu diberi penekanan?**

Struktur kurikulum perlu bersifat dinamik dan adaptif terhadap perubahan industri. Selain akademik, pembentukan atribut pelajar seperti kemahiran insaniah, kepimpinan, etika profesional dan keupayaan komunikasi amat penting.

Usaha membentuk daya saing perlu disokong dengan penilaian reflektif, suasana pembelajaran kondusif serta aktiviti yang merangsang pembangunan sahshiah. Melalui pendekatan ini, persepsi industri terhadap kualiti graduan dapat ditingkatkan.



“**Tanpa pembabitn industri, usaha melahirkan graduan beracuan pasaran akan menjadi sukar**”  
Mohd Syuhaimi

